

**TERKINI** - 13 Aug 2024 07:10 AM



## **MSM lantik Nur Izwan sebagai CFO interim, selepas Mazatul 'Aini meletak jawatan untuk menyertai institusi kewangan**



Dr Mazatul 'Aini Shahar Abdul Malek Shahar

Oleh Mohamad Iman  
[editor@dagangnews.com](mailto:editor@dagangnews.com)

**KUALA LUMPUR 13 Ogos** - MSM Malaysia's Holdings Bhd, unit 51% milik FGV Holdings Bhd, melantik Nur Izwan Mohd Nawawi untuk memegang jawatan ketua pegawai kewangan (CFO) interim, berkuat kuasa 12 Ogos, selepas peletakan jawatan Dr. Mazatul 'Aini Shahar Abdul Malek Shahar.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat penapis gula berkata Nur Izwan dilantik sebagai pegawai bertanggungjawab secara interim, "sehingga lembaga mengenal pasti calon yang sesuai untuk jawatan CFO".

Nur Izwan, yang memiliki ijazah perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), akan memikul tanggungjawab dan kuasa CFO.

Menurut MSM, Nur Izwan mempunyai pengalaman selama 22 tahun dalam bidang perakaunan dan kewangan. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).



Nur Izwan Mohd Nawawi

Dalam makluman berasingan, MSM berkata Mazatul, 52, akan meninggalkan syarikat itu untuk mengambil jawatan sebagai CFO di "institusi kewangan".

Mazatul telah memegang peranan CFO selama hampir dua tahun selepas dilantik pada 1 Disember 2022. Pada penghujung tahun lalu, namanya menjadi perhatian selepas MSM meletakkannya bercuti selama lebih tiga bulan sejak 20 Oktober tahun lalu sehingga 1 Februari tahun ini, untuk memudahkan siasatan dalaman yang sedang dijalankan.

Selain itu, pada hari Isnin, MSM menyaksikan volum dagangannya melonjak ke paras tertinggi dalam hampir tujuh bulan, berikutan berita bahawa Threadstone Capital Sdn Bhd dijangka dalam melabur dalam unit penapisan gulanya.

Saham MSM naik sebanyak 21% atau 15 sen kepada RM2.01, tertinggi sejak 31 Julai dalam dagangan awal, sebelum aliran menaik tidak bertahan lama. Penapis gula hari ini naik hampir 0.6% atau satu sen pada RM1.66, memberikan syarikat itu permodalan pasaran RM1.17 bilion.

Jumlah dagangan berjumlah 20.62 juta saham, paling banyak sejak 26 Jan 2024, dan lebih 11 kali ganda purata dalam dua bulan lalu. - [DagangNews.com](#)

\*\*\*

HEADLINE	MSM lantik Nur Izwan sebagai CFO interim, selepas Mazatul 'Aini meletak jawatan untuk menyertai institusi kewangan
MEDIA	DagangNews- Online
DATE	13 August 2024 , 7:10am
BY	Mohamad Iman
LINK	<a href="https://www.dagangnews.com/article/msm-lantik-nur-izwan-sebagai-cfo-interim-selepas-mazatul-aini-meletak-jawatan-untuk-menyertai-institusi-kewangan-39806">https://www.dagangnews.com/article/msm-lantik-nur-izwan-sebagai-cfo-interim-selepas-mazatul-aini-meletak-jawatan-untuk-menyertai-institusi-kewangan-39806</a>